

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 26.11.2015 (KHAMIS)**

**DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapakan aduan berkaitan GST yang diterima oleh Kementerian dan berapakan saman yang telah dikeluarkan kepada peniaga yang tidak mematuhi arahan-arahan berkaitan GST sehingga kini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah **menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan** yang boleh digunakan oleh pengguna bagi mengemukakan aduan berkaitan pelaksanaan GST. Orang ramai boleh menyalurkan sebarang aduan berkaitan isu kepenggunaan melalui kaedah berikut:

- a) Portal e-Aduan KPDNKK;
- b) Talian *Hotline* 1-800-886-800;
- c) Hadir sendiri ke mana-mana pejabat / cawangan KPDNKK yang berhampiran;
- d) Surat kepada KPDNKK;
- e) Emel di alamat [e-aduan@kpdnkk.gov.my](mailto:e-aduan@kpdnkk.gov.my);
- f) Aplikasi Telefon Pintar - MyKira GST;
- g) Aplikasi Telefon Pintar - Ez ADU KPDNKK;
- h) Peti Aduan Pengguna yang ditempatkan di pasaraya dan pasar awam;
- i) Pejabat-pejabat Penghulu;
- j) Pusat Aduan Bergerak;
- k) SMS ke 15888; dan
- l) Media sosial melalui *Twitter* dan *Facebook* KPDNKK.

Untuk makluman Dewan yang mulia, semenjak GST diperkenalkan pada 1 April 2015 lalu, Kementerian telah menerima sebanyak **7,328 aduan daripada pengguna sehingga 8 Oktober 2015**. Daripada jumlah tersebut, **55% (4,066 aduan) adalah aduan mengenai kenaikan harga barangan dan perkhidmatan** seperti kenaikan harga

makanan dan minuman di kedai makan atau restoran dan kenaikan harga barangan di pasaraya. Manakala **21% (1,459 aduan)** daripada aduan tersebut pula adalah mengenai caj GST yang dikenakan ke atas kad tambah nilai telefon bimbit, **12% (874 aduan)** mengenai kegagalan pihak peniaga untuk memaparkan nombor ID GST pada resit yang dikeluarkan kepada pengguna, **8% (565 aduan)** mengenai caj perkhidmatan dan selebihnya adalah aduan pelbagai seperti pengangkutan awam yang dikenakan caj GST dan sebagainya.

Sebanyak **118** kertas siasatan melibatkan kesalahan pencatutan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu **75** kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana **mencatut**, **39** kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis** yang dikeluarkan dan **4** kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan rekod perniagaan**. Daripada jumlah ini, sebanyak **14 kes telah didakwa di Mahkamah Khas Antipencatutan** di mana **12 kes** telah disabit kesalahan masing-masing **6 kes** di bawah Seksyen 14(1), **7 kes** di bawah Seksyen 21 dan **1 kes** di bawah Seksyen 53A AKHAP 2011 dengan jumlah keseluruhan denda **RM365,500**. Manakala **2 kes** lagi masih dalam proses pendakwaan di Mahkamah. Sebanyak **13 kes telah dikompaun** iaitu masing-masing **10 kes** di bawah Seksyen 14(1) dan **3 kes** di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 dengan jumlah keseluruhan kompaun **RM535,000**.